



KENANGAN...Vina Zahriani (tengah) merakamkan gambar bersama pegawai dan kakitangan Pembantu Operasi UMS.

Pendaftar UMS garis empat kunci utama kualiti, sistem penyampaian universiti

KOTA KINABALU: Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Vina Zahriani Yusof menggariskan empat kunci utama sebagai satu usaha agar setiap warga kakitangan UMS mampu melaksanakan peningkatan terhadap kualiti dan sistem penyampaian perkhidmatan di universiti.

Empat kata kunci tersebut ialah penambahbaikan khidmat pelanggan, persekitaran kerja yang baik, menggalakkan gaya hidup sihat, dan kampus selamat dan sejahtera.

Menurut beliau, selain penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan, pengurusan universiti turut meletakkan hasrat agar setiap kakitangan menanamkan sifat integriti dalam melaksanakan tugas, serta kakitangan turut mengamalkan gaya hidup sihat dan mempunyai minda yang positif dan gembira.

"Kualiti kerja bukan sahaja dituntut seperti yang termaktub dalam pekeliling-pekeliling kerajaan, tetapi juga ada disebut dalam hadis yang menyatakan bahawa sesungguhnya Allah menyukai seseorang jika apabila kamu melakukan sesuatu tugas, maka kamu akan melakukannya dengan 'itqan'.

"Maksud 'itqan' ialah menyusun atau mengatur sesuatu perkara dengan cara terbaik untuk mencapai hasil yang baik sekali gus mampu menghasilkan kerja yang berkualiti, dan ini dituntut kepada semua lapisan kakitangan dari pengurusan teratas sehingga kepada kakitangan operasi," katanya.

Vina berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena Majlis Bual Mesra Pembantu Operasi Bersama Pendaftar UMS yang berlangsung di Galeri Majlis, baru-baru ini.

Beliau turut mengingatkan agar setiap



SOLA JAWAB... Vina Zahriani menjawab pertanyaan kakitangan dalam sesi bual mesra.

kakitangan melaksanakan tanggungjawab seharian dengan penuh integriti.

"Integriti ialah apabila kita melakukan tugas dengan penuh amanah, bertanggungjawab, telus, ikhlas, dedikasi dan jurur, dan kesemua aspek ini memainkan peranan dalam merentunkan kualiti perkhidmatan kita."

"Kurangnya elemen integriti dalam tugas boleh menyebabkan kita mendapat aduan daripada orang awam, sekali gus boleh menjelaskan nama universiti," katanya.

Vina memaklumkan bahawa pengurusan universiti juga mahu agar UMS mempunyai persekitaran kerja yang sejahtera dan sihat kerana aspek ini turut mampu mempengaruhi kualiti perkhidmatan.

"Untuk itu, kita telah memperkenalkan aktiviti Jom Sihat yang dilaksanakan setiap petang hari Rabu, selain turut menggalakkan kakitangan untuk melaku-

kan pemeriksaan bagi mengurangkan tekanan diri dan mengawal pemakanan sebagai langkah mengurangkan penyakit-penyakit kronik terutama kepada kakitangan berumur 40 tahun ke atas.

"Apabila adanya kakitangan sihat, setiap kerja dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, cepat dan tersusun, selain kurangnya aduan pelanggan, kadar cuti sakit serta kos perubatan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu beliau memberitahu, peranan setiap kakitangan sama ada pengurusan atau operasi adalah sama penting, justeru setiap kakitangan perlu menghargai setiap tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

Hadir sama pada majlis tersebut Ketua Bahagian Sumber Manusia, Mohd Rafie Jänau; Ketua Bahagian Pentadbiran dan Governan, Mohd Zaidie Adilai; dan Pegawai Keselamatan, Rakam Singh Karam Singh yang mewakili Ketua Bahagian Keselamatan.